

24 DEC 2002

KEDAH TERBIT BUKU KHAS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI

LANGKAWI, 24 Dis (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah akan menerbitkan sebuah buku khas yang memaparkan aktiviti Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat kebangsaan yang berlangsung di Jitra Sabtu lepas.

Buku itu akan disediakan oleh Majlis Tindakan Pelancongan Kedah (MTPK).

Pengurus besar MTPK, Mansor Ismail berkata majlis itu dianggap bersejarah kerana dihadiri oleh para pemimpin Malaysia dan Thailand.

"Kita akan membukukan aktiviti majlis termasuk keratan berita, gambar-gambar berkaitan serta anggota jawatankuasa yang terlibat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Sultan Kedah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra adalah antara kira-kira 200,000 orang tetamu majlis itu.

-- BERNAMA

ZI MOZ